

26 NOV 2002

Mahathir-Bukit (Bergambar)

PEMBANGUNAN LERENG BUKIT AKAN DIKAJI, KATA DR MAHATHIR

SUBANG, 26 Nov (Bernama) -- Kerajaan akan mengkaji pembangunan di kawasan-kawasan lereng bukit di negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata bukan semua kawasan sama daripada segi tanah dan dengan itu aspek tanah perlu diambil kira semasa menjalankan pembangunan.

"Bukan semua tempat semacam...setengah tempat ia ada kelemahan tertentu dan kita mesti wujudkan kebolehan untuk menentukan jenis-jenis tanah yang sesuai untuk dibangunkan dan jenis yang tidak sesuai," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas mengenai pembangunan lereng bukit berikutan kejadian tanah runtuh di Taman Hillview, Ampang Rabu lepas.

"Ini bukanlah sesuatu yang berlaku sepanjang masa, tapi dalam keadaan tertentu (dan) di tempat tertentu ianya berlaku," katanya selepas tiba di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di sini sekembalinya daripada menghadiri persidangan mengenai pemulihan Lubnan di Paris.

Kejadian tanah runtuh pada awal pagi Rabu lepas menyebabkan banglo bekas Panglima Angkatan Tentera Malaysia Jeneral (B) Tan Sri Ismail Omar ranap mengakibatkan enam anggota keluarganya terkorban bersama dua pembantu rumah.

Berikutan kejadian itu, pelbagai pihak telah meminta agar pembangunan di kawasan lereng bukit dan kawasan tinggi serta kawasan berisiko tinggi dikawal bagi mengelakkan kejadian yang serupa daripada berulang.

Satu laporan oleh jawatankuasa teknikal yang menyiasat tragedi banglo yang ranap itu dibentangkan pada mesyuarat tindakan ekonomi negeri Selangor hari ini. Laporan itu menyebut kawasan berbukit Taman itu dan kawasan sekitarnya adalah selamat untuk diduduki.

Laporan itu juga menunjukkan bahawa insiden Rabu lepas itu berpunca kerana runtuh dinding konkrit penahan tanah di lereng bukit yang kemudian jatuh bersama tanah lereng ke kaki bukit yang struktur tanahnya lemah.

Sementara itu, menjawab satu soalan lain Dr Mahathir berkata Barisan Nasional (BN) akan mengkaji cadangan agar diperkenalkan satu peraturan bagi menghalang amalan bertukar atau melompat parti sesama parti komponen.

"Kita akan kaji sedalam-dalamnya kerana kita tahu juga ada orang melompat masuk pun ada. Jadi kadang-kadang bila kita tak bagi lompat orang nak masuk pun tak boleh, jadi anda perlu pertimbangkan semua ini," katanya.

Peraturan sedemikian disarankan oleh beberapa pemimpin parti komponen BN Sabah pada April lepas.

Mereka berpendapat peraturan sedemikian akan memastikan keadaan politik tidak terjejas dan mengelakkan perasaan tidak senang hati antara satu sama lain.

-- BERNAMA

RV RV PR